

MAHATHIR - KRITERIA

(I)

1984

KUALA LUMPUR, 14 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI OR; MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU BUKAN MENGAMBIL APA-ARA KESERONOKAN DALAM PENYUSUNAN SEMULA KABXNET ITU.

+ IA BUKAN SATU PERMAINAN YANG SAYA MAINKAN. PERUBAHAN ITU HANYA DIBUAT BILA PERLU, + TAHBAH PERDANA MENTERI.

BELIAU MEMBERI PENJELASAN KEPADA PARA PEMBERITA MENGAPA BEBERAPA PERUBAHAN DIBUAT DALAM PENYUSUNAN SEMULA KABINET SEJAK BELIAU HENJADI PERDANA MENTERI.

DALAM PERUBAHAN KABINET YANG DIUMUHKAN HARI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA SEBAGAI HEMENUHKAN KEKOSONGAN DISEBABKAN PERLETAKAN JAWATAN TIGA ORANG MENTERI DAN DUA TIMBALAN MENTERI, KESEMUAANYA DARI UMNO.

DITANYA MENGENAI KRITERIANYA DALAM MELANTIK HENTERI-MENTERI DAN TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI BARU, BELIAU BERKATA PENEKANAN DIBERIPADA KEBOLEHAN DAN KESANGGUPAN HEREKA BERKHIDHAT UNTUK NEGARA.

+SUDAH TENTU SAYA JUGA MENGAMBIL KIRA MENGENAI KETINGGIAN DAN BERAT MEREKA . . . + KATANYA BERSELOROH DAN DISAMBUK DENGAN GELAK K E T A W A OLEH PARA PEMBERITA. -- LAGI

2125MST 14 07 84

0793

UB019 BAH

MAHATHIR - KRITERIA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KABINET BARU ITUMUNGKIN HEMERANJATKAN SETENGAH-SETENGAH ORANG, TERUTAHANYA AKHBAR YANG SEBELUM INI MEMBUAT BERBAGAI SPEKULASI MENGENAI HAL TERSEBUT.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERUNTUNG DAPAT BERADA DI DALAM KABINET YANG SEALIRAN DENGAN +ALIRAN FIKIRAN SAYA.+

MENGENAI PERLANTIKAN SEORANG SAJA ANGGOTA WANITA UMNO SEBAGAI MENTERI, BELIAU BERKATA PERGERAKAN ITU JUGA PERNAH MEMPUNYAI SEORANG PERWAKILANNYA DALAM KABINET PADA MASALAH.

BELIAU BERKATA DATIN PADUKA RAFIDAH DILANTIK SEBAGAI MENTERI BUKAN KERANA BELIAU SEORANG WANITA TETAPI KERANA BELIAU LAYAK MENDUDUKI JAWATAN ITU. -- BERNAMA.

2133MST 14 07 84